

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN RUSNAH BT ALUAI**  
**TARIKH** : **4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 48**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah mempunyai cadangan untuk memastikan bas-bas ekspres berhenti agar penumpang dapat mengerjakan solat dalam perjalanan mereka.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Buat masa ini, pihak kerajaan tidak menetapkan syarat untuk mewajibkan kepada semua pengendali bas ekspres berhenti semasa dalam perjalanan bagi membolehkan penumpang mengerjakan solat. Walaubagaimanapun ketika ini majoriti pengendali terutama yang menyediakan perkhidmatan perjalanan pada waktu subuh akan memberhentikan kenderaan mereka apabila tiba waktu mengerjakan solat. Bagi perjalanan yang melangkaui waktu zohor dan asar majoriti kenderaan juga akan memberhentikan kenderaan sekurang-kurangnya sekali sebelum sampai ke destinasi. Penumpang juga dibenarkan untuk meminta kepada pemandu untuk berhenti sebentar di tempat yang selamat dan menyediakan kemudahan seperti di stesen rawat dan rehat (RnR) bagi mengerjakan solat atau untuk ke tandas.

**NO. SOALAN : 48**

2. Selain itu, di bawah Kaedah 10B, Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959, pemandu kenderaan perkhidmatan awam seperti bas adalah tidak dibenarkan untuk memandu melebihi empat jam atau melebihi 300 km. Pemandu tersebut hendaklah diganti dengan pemandu kedua. Sehubungan itu, kenderaan dikehendaki berhenti di tempa yang bersesuaian bagi membolehkan penggantian pemandu dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.